

Utusan Malaysia : 20 September 2016

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

TANDA NIKMAT DAN KESYUKURAN RAKYAT

Tarikh 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 merupakan tarikh bersejarah bagi Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia. Maka tamatnya penjajahan kuasa asing dan bermulanya sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan kemudian mengukuhkan lagi kedaulatan negara kita dengan tertubuhnya Malaysia.

Masih tergambar dalam fikiran kita betapa bersemangat dan merianya kita menyambut hari kemerdekaan yang ke 59 baru-baru ini. Namun, hakikatnya berapa ramai yang benar-benar mensyukuri dan menghayati nikmat kemerdekaan yang kita kecapi ini?.

Kita juga menyambut satu lagi hari bersejarah pada 16 September sebagai Hari Malaysia. Tarikh 16 September 1963 diingati sebagai tarikh bersejarah dimana Malaysia ditubuhkan dan wujud sebuah negara yang menyatukan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura, sebelum akhirnya Singapura menarik diri daripada menyertai Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia adalah dua peristiwa bersejarah dan perlu dihayati sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dalam konteks erti semangat patriotik, mencintai dan berkorban untuk negara demi menjunjung Islam sebagai agama rasminya.

Islam menitikberatkan urusan pemerintahan dan pembentukan negara merdeka yang menyejahterakan kehidupan rakyat secara menyeluruh. Ini bertepatan dengan kerangka kemerdekaan untuk mewujudkan negara berdaulat dan makmur. Selepas lebih 59 tahun mencapai kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, kini negara kita muncul sebagai sebuah negara Islam yang banyak melaksanakan tuntutan syariat Islam dengan pembangunan insan dan negara yang pesat membangun. Kesederhanaan yang diamalkan sepanjang tempoh ini adalah mengikut syariat dan tidak menurut tafsiran pihak penentang atau negara luar.

Diriwayatkan bahawa Nabi Musa menyeru kaumnya menghargai nikmat kemerdekaan anugerah Allah SWT dengan menggunakan kebebasan dan keamanan secara bijak bagi menghindari diri serta masyarakat daripada penjajahan rohani, akhlak dan mental sebagaimana firman Allah SWT bermaksud: *'Dan (Ingatlah mereka wahai Muhammad), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (yang diberikan) kepadamu ketika ia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan orang-orangnya), dan Ia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada seseorang pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu)'*. (Surah al-Maidah:20).

Kebangkitan Islam dan kemerdekaan berkait dengan wujudnya Madinah al-Munawarah sebagai negara Islam yang pertama. Bahkan, pembentukan perlembagaan pertama dalam sejarah tamaddun manusia yang dikenali dengan Piagam Madinah oleh Nabi Muhammad SAW adalah satu manifestasi kepentingan pemeliharaan agama dan kemerdekaan melalui pembentukan negara dan bangsa yang kuat.

Dengan adanya nikmat kemerdekaan yang Allah SWT kurniakan, kita dapat beribadah, mencari rezeki, anak-anak membesar dengan baik, bahkan dakwah dapat disebarkan dengan seluas-luasnya. Tanpa kita sedari, rahmat disebalik mensyukuri nikmat yang Allah SWT kurniakan ini terlalu banyak. Dari sini jugalah akan lahir semangat dan rasa kecintaan serta kasih sayang kepada tanah air. Ia bersesuaian dengan pepatah Arab yang masyhur ada menyebut bahawa. 'Cinta kepada tanah air itu adalah termasuk dalam keimanan,'.

Kesan dan kecintaan kepada tanah air ini juga akan lahir jiwa-jiwa yang sanggup mempertahankannya dari sebarang bentuk ancaman sama ada dari luar mahupun dari dalam. Dalam konrek ini, mempertahankan negara dan tanah air supaya agama Islam dapat dikekalkan di negara ini adalah sebahagian daripada Maqasid Syariah. Namun, nikmat kemerdekaan yang dikecapi kini telah membuat sebahagian ummah mudah terlupa. Antara sebabnya, disadari atau tidak telah ada membawa diri masing-masing mengamalkan fahaman bebas dan liberal. Mereka juga menerapkan nilai universal yang tidak berpaksi kepada agama Islam dalam jiwa.

Mereka juga akan dibuaikan dengan berbagai rancangan jahat dan terpesong serta berbagai polimik yang sebgaja diadakan oleh pengkhianat dan pendusta negara agar keruntuhan perpaduan ummah berlaku secara beransur-ansur. Dengan memasukkan bibit pemusnah ini dikalangan ummah, maka satu generasi ke generasi lain akan terhakis dan gagal untuk mempertahankan syariat Islam walaupun tempoh kemerdekaan semakin matang pada masa ini.

Selain itu, nikmat kemerdekaan yang hilang dapat dilihat daripada pergolakan yang sedang berlaku di negara Islam Asia Barat seperti Syaria yang perlu dijadikan ikhtibar. Nyawa seolah-olah tidak berharga, negara menjadi huru- hara, ekonomi merundum, rakyat sentiasa dibayangi ketakutan, anak-anak kecil tiada perlindungan, sekolah dan universiti tergendala dan berbagai musibah lain.

Justeru, keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati sejak 59 tahun negara kita merdeka perlu dikekalkan dan disyukuri. Jangan benarkan benih-benih tercemar mula meresap dalam hati rakyat yang akan merosakkan kesinambungan kemerdekaan itu sendiri.

Semangat sempena Hari Malaysia juga menjadi pemangkin kepada kesatuan dan perpaduan yang lebih erat dikalangan rakyat di bumi Malaysia tercinta ini.